

16 JAN 2003

SAR-Johor (Bergambar)

HAMPIR 1,000 MURID SAR SUDAH KE SEKOLAH KEBANGSAAN DI JOHOR

JOHOR BAHRU, 16 Jan (Bernama) -- Hampir 1,000 murid sekolah agama rakyat (SAR) di Johor sudah mendaftar menyertai sekolah kebangsaan berikutan keputusan kerajaan memberikan tempoh sehingga 6 Feb untuk mereka berbuat demikian.

Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Negeri Hamzah Ramli berkata lebih ramai ibu bapa dijangka mendaftarkan anak-anak mereka ke sekolah kebangsaan sama ada sekolah rendah atau menengah sebelum tamat tempoh itu.

"Kita merayulah ibu bapa hantarlah anak mereka masuk ke sekolah kebangsaan... dan untuk tambahan pendidikan agama, daftarlah di sekolah-sekolah agama kerajaan negeri Johor," katanya kepada Bernama di sini hari ini.

Beliau berkata sekolah agama Johor di bawah kerajaan negeri dapat menjamin anak-anak diajar semata-mata pendidikan agama dengan guru yang terlatih.

Sekolah agama Johor juga hanya mengenakan yuran RM1 sebulan bagi seorang murid berbanding SAR yang yurannya ada yang mencecah RM30 sebulan, katanya ketika diminta mengulas kelancaran perpindahan murid-murid SAR ke sekolah kebangsaan berikutan pengumuman Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad baru-baru ini bahawa kerajaan tidak lagi akan memberi bantuan kewangan kepada SAR.

Berikutan itu kerajaan menggesa semua 74,000 murid SAR di seluruh negara bertukar ke sekolah kebangsaan.

Dalam sistem sekolah agama Johor dari darjah satu hingga enam, yang diamalkan sejak berpuluh tahun lepas, murid-murid yang belajar sesi pagi di sekolah kebangsaan boleh belajar di sekolah agama pada sesi petang dan sebaliknya.

"Kerajaan negeri dapat memberi jaminan bahawa sekolah agama Johor yang lengkap dengan infrastrukturnya mampu menampung beberapa ribu orang lagi murid dari SAR dan tidak timbul masalah tidak cukup tempat," kata Hamzah.

-- BERNAMA

MNY RON